

AKTIVITI : LAWATAN EKSA KE CAWANGAN ALAM SEKITAR DAN TENAGA (CAST)

TEMPAT : MENARA PJD, KUALA LUMPUR

TARIKH : 12 NOVEMBER 2015

Satu Lawatan Sambil Belajar ke Cawangan Alam Sekitar dan Tenaga (CAST) telah diadakan pada 12 November 2015 yang lalu. Lawatan ini bertujuan sebagai latihan ‘hand-on’ bagi audit dalaman yang diadakan. Lawatan ini disertai oleh wakil Penyelaras Jawatankuasa Pelaksana EKSA dari setiap cawangan Ibu pejabat JKR Malaysia.

Encik Azhan Ahmad daripada Institut Aminuddin Bakri, Nilai, Negeri Sembilan, yang merupakan Fasilitator EKSA yang dilatih oleh pihak MAMPU telah memberikan penerangan sedikit sebanyak berkenaan dengan pelaksanaan EKSA dan dalam masa yang sama memberi tunjuk ajar kaedah penilaian yang akan dilaksanakan oleh auditor dalaman EKSA.

Pihak Urus Setia Induk EKSA mengucapkan jutaan terima kasih kepada pejabat CAST atas kesudian untuk menerima lawatan kami.

